



Headline: Takut dijel punca tak lapor penipuan
Publication/Portal: Kosmo
Date: 22 December 2020

Language: Malay
Section: Negara
Page: 16

Pesara guru serah RM512,316 kepada 'Sarjan Fairul'

Takut dijel punca tak lapor penipuan

Oleh **NOOR HASLIZA NUSI**

GEORGE TOWN – Akibat perasaan terlalu takut akan ditahan polis, seorang pesara guru wanita mengambil masa kira-kira enam bulan untuk membuat laporan polis walaupun kerugian RM512,316 diperdaya sindiket Macau Scam pada 2 Jun lalu.

Namun, warga emas berusia 72 tahun itu akhirnya datang ke Balai Polis Bandar Baru, Ayer Itam di sini kelmarin, selepas mendapati wang pencen meniang suaminya gagal dikembalikan suspek yang menyamar sebagai 'Sarjan Fairul'.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pulau Pinang, Asisten Komisioner Mohd. Rosni Mohd. Lazim berkata, laporan polis dibuat selepas mangsa menyedari telah terpedaya dengan sindiket berkenaan.

Katanya, kali pertama mangsa menerima panggilan melalui telefon rumahnya pada 2 Jun lalu.

"Suspek yang menyamar se-



MOHD. ROSNI

bagai anggota polis dari Kota Kinabalu, Sabah itu mendakwa mangsa terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram selepas mereka menemui bungkusan berisi lapan kad pengeluaran wang automatik (ATM).

"Mangsa kemudiannya berhubung dengan suspek menerusi telefon bimbit dan disebabkan terlalu takut, dia hanya mengikut arahan supaya meletakkan kad bank berserta nombor pin di dalam peti surat ru-

mahnya kononnya arahan dari Bukit Aman," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Ujarnya, pada keesokan hari, mangsa pergi semula ke peti surat berkenaan dan mendapati kad tersebut sudah tiada.

Mohd. Rosni memberitahu, pada 20 Julai lalu, mangsa telah menyemak baki wang simpanannya di sebuah bank di sini sebelum mendapati wang sebanyak RM512,316.18 telah lesap.

"Wanita itu memaklumkan polis yang dia bimbang diberkas dan dimasukkan ke dalam lokap sekiranya tidak menurut segala arahan suspek.

"Mangsa ingatkan apabila kes itu sudah selesai dijalankan (disiasat suspek), wang tersebut akan dikembalikan semula kepadanya," ujarnya.

Beliau berkata, siasatan awal pihaknya mendapati nombor telefon yang digunakan suspek telah didaftarkan di luar negara.

Tambahnya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.



ORANG ramai dilingatkan agar sentiasa berwaspada terhadap kelicikan sindiket Macau Scam. – GAMBAR HIASAN